Lengkapkan tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini dengan kata yang betul.

cocok	golongan	apakah	bila	belot
apabila	belut	gulungan	cucuk	adakah

1. Bagi saya, ayah dan ibulah pasangan suami isteri yang paling_____ di dunia.

2. Penjual itu mengambil_____ tikar yang disandarkan pada dinding itu apabila diminta oleh pelanggan.

3. _____ Cikgu Mohd. Zamri mengajarkan mata pelajaran Geografi?

4. _____ peniaga diingatkan agar tidak menaikkan harga barangan kawalan pada musim perayaan.

5. Sesetengah orang percaya bahawa _____ mempunyai khasiat dari sudut perubatan.

6. Setiausaha itu segera mengangkat gagang telefon di mejanya_____telefon itu berdering meskipun dia sibuk.

7." _____yang sedang dilakukan oleh ibu kamu?" Tanya nenek kepada Devi.

8. Ketua penjenayah itu menculik orang kanannya keran dipercayai telah _____kepada kumpulan mereka.

9. Dia menangis kesakitan kerana jarinya kena _____oleh duri.

10. Kapal terbang itu akan berlepas ke Pulau Pinang_____?

Padankan perenggan di bawah ini dengan peribahasa yang sesuai.

Generasi muda seperti kita merupakan aset penting kepada negara. Kita seharusnya diberikan panduan yang jelas sejak kecil oleh ibu bapa, ibarat kata orang tua-tua,	✦ ✦	bumi yang mana tidak ditimpa hujan
Guru sebagai pendidik pula seharusnya bekerjasana dengan ibu bapa membentuk peribadi mulia dalam kalangan murid. Hal ini bertepatan dengan peribahasa	✦ ✦	melentur buluh biarlah dari rebungnya
Kita sebagai remaja sering dibelenggu masalah dan melakukan kesalahan, bak kata pepatah	✦ ✦	bagai aur dengan tebing